


WARTA SAWIT

Jangan lepaskan
peluang
memenangi RM50
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara *on-line* di <http://palmoilis.mpob.gov.my/V4/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan

Bil. 84 (2)/Mei-Ogos 2023



2 DEKAD

**Khidmat Pusat TUNAS kepada
Pekebun Kecil Sawit**



Penerbit MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Kementerian Perladangan dan Komoditi

6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 www.mpob.gov.my



Sidang Penerbit

PENASIHAT

Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir

PENGERUSI

Dr. Ramle Moslim

TIMBALAN PENERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Zaki Aman

PENYUNTING

Dr. Meilina Ong Abdullah

Mohd Saufi Awang

Iptisam Abdul Wahab

Johari Minal

Hj. Khairuman Hashim

Anita Taib

Dr. Norkaspi Khasim

Mohd Shahrin Rahami

SETIAUSAHA

Shafirul Ab Wahab

KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Dua Dekad Khidmat Pusat Tunas kepada Pekebun Kecil Sawit **4**
- Sudut Teknologi **8**
- Kuiz Sawit **12**
- Sudut Kreatif Sawit **13**
- Tahukah Anda? **14**
- Berita Bergambar **16**
- Sudut Renungan **18**
- Sembang Sawit **18**
- Diari & Program **19**
- Prestasi Sawit **22**
- Peladang Jaya **25**
- Direktori MPOB **27**

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING



Dr. Zaki Aman

Pengarah Bahagian Penyelidikan

Pembangunan Pekebun Kecil

zaki@mpob.gov.my

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Pusat TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit), telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pemindahan teknologi kepada golongan sasaran iaitu pekebun kecil sawit persendirian. Pusat TUNAS ditubuhkan pada September 2002 dan memulakan operasi pada Januari 2003. Objektif penubuhan Pusat TUNAS adalah untuk membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti dan taraf sosio-ekonomi.

Sehingga 30 Jun 2023, terdapat seramai 213 456 pekebun kecil persendirian dengan keluasan 819 246 ha telah didaftarkan dengan MPOB. Setiap Pegawai

TUNAS mempunyai kawasan seliaan masing-masing dan dikenali sebagai Pegawai TUNAS Kawasan (PTK). PTK bertanggungjawab menjalankan aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi di kawasan seliaan mereka. Jumlah Pegawai TUNAS telah meningkat daripada asalnya 50 orang kepada 265 orang sejak ia mula ditubuhkan.

Pegawai TUNAS diberi latihan khas dan dilengkapi dengan pengetahuan mencukupi mengenai teknologi baharu, pengurusan, amalan penanaman sawit dan agronomi yang baik serta bersedia melaksanakan bimbingan dan tunjuk ajar kepada penanam sawit di seluruh negara. Antara aktiviti Pusat TUNAS adalah memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pekebun kecil terutama dalam aspek amalan pengurusan tanaman sawit secara berkualiti serta penggunaan teknologi dan inovasi baharu yang boleh meningkatkan produktiviti.

Sudut Tahukah Anda kali ini memperkenalkan aplikasi mudah alih terbaru iaitu InfoSAWIT untuk kegunaan industri sawit bagi menggantikan SAWIT Info-SMS. Aplikasi ini menghebahkan harga secara harian dan bulanan serta hebahan bulanan prestasi sawit Malaysia pada setiap 10hb hari bekerja setiap bulan. Antara kategori hebahan maklumat dalam aplikasi ini adalah harga harian BTS, harga harian minyak sawit (MSM) dan minyak isirung (PK) mentah, harga panduan bulanan, prestasi bulanan industri sawit serta nilai eksport sawit.

Bagi pekebun yang menjalankan integrasi di kebun sawit, Sudut Teknologi kali ini akan menerangkan secara terperinci kaedah integrasi sawit dengan tanaman herba iaitu kunyit dan serai. Kajian yang dijalankan oleh pegawai penyelidik MPOB ini menerangkan cara penanaman herba ini dengan terperinci daripada kaedah penanaman, pembajaan, kawalan perosak dan penyakit serta penuaian. Hasil dapatan daripada kajian ini mendapati tanaman kunyit dan serai sesuai ditanam sebagai tanaman selingan jangka pendek bersama sawit. Tanaman herba yang diselenggarakan dengan baik mampu mengeluarkan hasil yang baik dan menjana pendapatan tambahan yang menguntungkan kepada penanam sawit.

Dalam Sudut Kreatif edisi kali ini pula memaparkan resepi Nasi Goreng Menggunakan Minyak Sawit Merah. Terdapat pelbagai khasiat daripada minyak

sawit merah yang boleh digunakan bukan sahaja sebagai minyak masak, tetapi sebagai rumusan penting dalam mengekalkan kesihatan dan kecantikan. Minyak sawit merah mengandungi asid lemak dan mikronutrien penting yang larut dalam lemak seperti karotenoid (termasuk pro-vitamin A), vitamin D, E dan K termasuk sebagai bahan anti-oksidaan.

Peladang Jaya kali ini adalah dari Zon Sarawak 1 iaitu En. Umin anak Meringai, 54 tahun dari Rumah Albin, Sungai Liuk, Balingian. Beliau berjaya memperoleh Sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) dan merupakan Ahli Kelab 30 Tan selain antara pekebun kecil sawit pertama terawal di daerah Mukah yang berdaftar di dalam Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC Q18). Kejayaan En. Umin bukan saja dalam mengusahakan sawit tetapi beliau memperoleh pendapatan tambahan hasil daripada tanaman 200 pokok limau kasturi, 2000 pokok cekur manis, dan projek ternakan ikan tilapia di kebun sawitnya.

Pendekatan melalui polisi dan perancangan yang teliti adalah penting dalam membantu pekebun kecil mengharungi cabaran dalam mengusahakan sawit. Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit atau lebih dikenali dengan TUNAS akan terus relevan untuk membantu pekebun kecil persendirian sawit dalam merealisasikan hasrat kerajaan dalam memacu transformasi sektor pekebun kecil sawit.

Bagi mendapatkan senarai penuh tapak semaian yang mempunyai

Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN), sila layari:

<http://copn.mpob.gov.my/index.php/elementor-2875/>



DUA DEKAD KHIDMAT PUSAT TUNAS KEPADA PEKEBUN KECIL SAWIT



Penulis:
Hj. Khairuman Hashim
khairuma@mpob.gov.my

Pengenalan

Sawit merupakan tanaman komoditi utama negara yang tumbuh subur dari Perlis hingga Sabah. Sehingga kini, keluasan tanaman ini telah menjangkau 5.67 juta hektar di mana seluas 1.48 juta hektar atau 26% daripadanya merupakan milik pekebun kecil.

Pekebun kecil sawit di Malaysia dikategorikan kepada dua iaitu pekebun kecil tersusun (PKT) dan pekebun kecil persendirian (PKP). PKT dinaungi agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan juga agensi di bawah kerajaan negeri.

Mengikut peraturan perlesenan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, definisi PKP di Malaysia adalah mereka yang memiliki kawasan tanaman sawit dengan aggregatnya kurang daripada 40.46 ha (100 ekar). Secara purata, jumlah pemilikan tanah PKP di Malaysia adalah sekitar 3.8 ha.

Pusat TUNAS

Menyedari akan sumbangan besar PKP terhadap industri sawit Malaysia, kerajaan terus berusaha meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi penduduk luar bandar. Bagi membantu PKP dalam meningkatkan ilmu mengenai pengurusan sawit, Pusat TUNAS di bawah MPOB telah ditubuhkan pada September 2002 dan mula beroperasi di lapangan pada Januari 2003. MPOB telah memilih perkataan

TUNAS iaitu singkatan daripada perkataan Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit sebagai gelaran rasmi yang telah digunakan sehingga kini.

Sebagai permulaan, seramai 50 orang PTK telah dilantik dan penempatan awal mereka adalah di pejabat-pejabat MPOB dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Tujuan penubuhannya adalah untuk menjadi hub perhubungan di antara PTK dan PKP dalam menyalur dan melaksanakan pelbagai aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi berkaitan pengurusan sawit kepada pekebun kecil.

Sehingga kini, 51 cawangan pejabat TUNAS telah ditubuhkan bagi penempatan PTK dengan tujuan memberikan ruang kerja dan suasana kerja yang penuh semangat dan produktif. Pusat TUNAS telah dibahagikan mengikut zon kawasan iaitu Zon Tengah, Utara, Timur, Selatan 1, Selatan 2, Sabah 1, Sabah 2, Sarawak 1 dan Sarawak 2. Pembahagian zon dilakukan mengikut kelompok negeri berdasarkan populasi pekebun kecil setempat, di mana seorang PTK memberikan khidmat pengembangan kepada 1200-1500 orang PKP. Ini bertujuan memudahkan PTK berkomunikasi dan menyampaikan sebarang maklumat dan teknologi terkini sawit kepada pekebun kecil.

Peranan Pegawai TUNAS dalam Pelaksanaan Inisiatif Kerajaan

Setelah dua dekad TUNAS berkhidmat, terdapat pelbagai langkah/ inisiatif kerajaan yang telah disalur dan dilaksanakan oleh MPOB. Antara peranan utama Pegawai TUNAS ialah memberi khidmat nasihat teknikal sawit, integrasi tanaman dan ternakan dengan sawit, mengadakan kursus, bengkel, pertunjukan kaedah dan lawatan khidmat nasihat kebun. Pegawai TUNAS juga terlibat dalam menganjurkan lawatan sambil belajar bersama PKP ke stesen-stesen penyelidikan MPOB, plot demonstrasi dan kebun-kebun yang berjaya khususnya berkaitan pengurusan dan penggunaan teknologi kebun yang terbaik.

Selain daripada itu, PTK juga berperanan melaksanakan pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) MPOB dan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) pekebun kecil. Di samping itu, mereka juga terlibat dalam melaksanakan promosi dan memperkenalkan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) serta menyalurkan inisiatif kerajaan seperti Skim Diskaun Cantas (SKIDIC), Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa), Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe), Skim

“Peranan PTK sememangnya tidak boleh dinafikan dalam memastikan inisiatif kerajaan dapat disalurkan kepada PKP dengan jayanya. Ini melibatkan pelbagai aspek bantuan bermula daripada penyediaan dokumen permohonan, lawatan kebun, pemeriksaan kebun, tunjuk ajar cara menggunakan peralatan, demonstrasi dan pertunjukan kaedah dan lain-lain”

Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil (TSPKS) dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS).

Dengan adanya khidmat nasihat dan teknikal sawit daripada Pegawai TUNAS, pengetahuan, kemahiran dan bantuan kerajaan kepada pekebun kecil dapat ditingkatkan dan disampaikan (*Rajah 1*). Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS), taraf hidup dan sosioekonomi mereka.

Peranan PTK sememangnya tidak boleh dinafikan dalam memastikan inisiatif kerajaan dapat disalurkan kepada PKP dengan jayanya. Ini melibatkan pelbagai aspek bantuan bermula daripada penyediaan dokumen permohonan, lawatan kebun, pemeriksaan kebun, tunjuk ajar cara menggunakan peralatan, demonstrasi dan

pertunjukan kaedah, menghantar anak benih berkualiti, khidmat nasihat sehinggalah kepada pengeluaran hasil BTS.

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil – MSPO*) telah dibangunkan bersama dengan komuniti sawit negara dan pakar-pakar kelestarian. Piawaian MSPO Malaysia telah diwartakan pada 5 September 2013 dan seterusnya dilancarkan pada 19 November 2013. Sejak itu, pelaksanaan MSPO adalah secara sukarela sebelum kerajaan mengumumkan pelaksanaan MSPO secara mandatori pada tahun 2017. Pihak pengeluar minyak sawit di Malaysia yang



Rajah 1. Pegawai TUNAS memberi tunjuk ajar pertunjukan kaedah.

merangkumi sektor pengilangan, perladangan dan pekebun kecil sawit mesti dipersijilkan dengan pensijilan MSPO sebelum atau pada 31 Disember 2019.

Tujuan utama pelaksanaan pensijilan MSPO ini adalah untuk meningkatkan penghasilan minyak sawit mampan di samping penjenamaan semula minyak sawit Malaysia agar dapat meningkatkan daya saing di pasaran minyak dan lemak dunia. Antara cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan MSPO ini adalah apabila kedudukan tanah PKP yang berselerak menyebabkan kesukaran kepada pegawai TUNAS dalam menyampaikan khidmat pengembangan termasuk memproses pensijilan MSPO. Bagi mengatasi masalah ini, MPOB telah mewujudkan 162 Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) di seluruh Malaysia bagi membantu penyampaian khidmat pengembangan dan proses pensijilan secara berkelompok dilaksanakan dengan lebih mudah.

Di bawah pensijilan MSPO bagi kategori PKP, terdapat beberapa insentif yang diberikan yang ditanggung oleh kerajaan seperti kos yuran pensijilan MSPO, kos penyediaan latihan berkaitan MSPO, pemberian alat kelengkapan pelindung diri (PPE), rak penyimpanan racun dan penyediaan papan tanda kebun, penukaran syarat tanah serta kos-kos lain yang berkaitan. Sehingga kini, pencapaian kemajuan pensijilan MSPO PKP di seluruh Malaysia adalah seramai 195 301 orang merangkumi keluasan 728 420 ha.

Sejajar dengan arus pembangunan, industri sawit perlu memastikan aspek kemampanan diberi perhatian sama ada di peringkat tempatan atau global. Oleh itu, kerajaan melalui khidmat pegawai TUNAS sentiasa komited untuk membantu pekebun kecil meningkatkan pengeluaran dan mempraktikkan pensijilan MSPO secara percuma. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan pengeluaran keseluruhan rantaian bekalan minyak sawit negara, termasuk bekalan daripada pekebun kecil mengaplikasikan aspek kemampanan.

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM)

Sejajar hasrat kerajaan membantu golongan pekebun kecil sawit, MPOB telah membantu penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) bagi menyatukan pekebun kecil sawit setempat dan industri menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi untuk kepentingan bersama. Ia telah memberikan impak yang berkesan dalam membangunkan PKP. Melalui KPSM, aktiviti pembelian BTS secara berkelompok dan

pembelian input pertanian secara pukal telah dilakukan. Sehingga kini, sebanyak 69 KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara iaitu 24 di Semenanjung, 27 di Sabah dan 18 di Sarawak.

Amalan Pertanian Baik (GAP)

Kurangnya kesedaran dalam mengamalkan GAP, merupakan penyebab utama produktiviti hasil sawit rendah. Bagi mengatasi isu ini, program pemeraksanaan pekebun kecil oleh pegawai TUNAS telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil. MPOB juga mengiktiraf pencapaian pekebun kecil yang memperoleh hasil BTS yang tinggi melalui Ahli Kelab 30 Tan. Secara kumulatif, bilangan Ahli Kelab 30 Tan sehingga kini adalah seramai 2391 orang. Pelbagai insentif telah diberikan kepada ahli termasuk program khidmat nasihat terancang secara percuma, keutamaan menyertai program kursus anjuran MPOB dan sebagainya.

Insentif Pembiayaan Mudah kepada Pekebun Kecil

Penyediaan bantuan pinjaman mudah untuk tanam semula dan pembelian input pertanian melalui kerjasama MPOB dan Agro Bank iaitu Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSPKS) dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Sawit Pekebun Kecil (IPPKS) telah diperkenalkan pada 27 April 2019. Objektif skim ini adalah untuk memberi pembiayaan mudah dengan kadar keuntungan yang rendah iaitu 2% setahun untuk PKP menanam semula sawit tua dan membeli input pertanian seperti baja dan racun. Permohonan Skim TSPKS seluas 2445 ha telah diluluskan dan merangkumi 858 lot kebun yang dimiliki pekebun kecil. Manakala, dalam tempoh Januari sehingga Mac 2023, 279 permohonan lot kebun telah diluluskan dengan melibatkan keluasan 899 ha.

Selain daripada itu, bagi permohonan Skim IPPKS, sejumlah 475 ha telah diluluskan dan merangkumi 189 lot kebun yang dimiliki pekebun kecil. Sepanjang tempoh Januari hingga Mac 2023, sejumlah 153 ha telah diluluskan melibatkan 43 permohonan lot kebun.

Insentif Integrasi Tanaman dan Ternakan

PKP dapat menambah pendapatan dengan menggunakan tanah secara optimum melalui integrasi tanaman atau ternakan. Selaras dengan itu, kerajaan menerusi MPOB telah memperkenalkan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit

“TUNAS akan terus berjuang membantu PKP merealisasikan hasrat kerajaan dalam memacu transformasi sektor pekebun kecil sawit.”

(ITa) dan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) (*Rajah 2*). Objektif skim ini adalah untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan mempelbagaikan pendapatan PKP sekali gus meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara. Sebanyak 738 projek Skim ITe telah diluluskan manakala RM1.25 juta telah disalurkan untuk Skim ITa.

Kesimpulan

Industri sawit Malaysia mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara termasuk dalam meningkatkan sosioekonomi

PKP. Justeru itu, aspek kemampanan dalam pembangunan dan pengurusan sawit adalah penting bagi memastikan daya saing industri sawit dalam jangka masa panjang terus meningkat. Penerapan GAP dan ketersediaan adaptasi teknologi oleh pekebun kecil adalah penting bagi menyokong usaha kerajaan memastikan industri sawit yang mampan. Pendekatan melalui polisi dan perancangan yang teliti adalah penting untuk membantu pekebun kecil mengharungi cabaran mengusahakan sawit. TUNAS akan terus berjuang membantu PKP merealisasikan hasrat kerajaan dalam memacu transformasi sektor pekebun kecil sawit.



Rajah 2. Lawatan Penilaian Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe).



Rajah 3. Program Trek Komoditi (Zon Tengah) yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI KUNYIT DAN SERAI BERSAMA TANAMAN SAWIT



Penulis:
Zurilawati Zainal
zurizainal@mpob.gov.my

Pengenalan

Kunyit (*Curcuma domestica*) dan serai (*Cymbopogon citratus*) merupakan jenis tanaman herba yang berpotensi tinggi untuk ditanam secara komersial di Malaysia. Ini kerana Malaysia beriklim tropika, mempunyai cukup cahaya matahari dan menerima hujan sepanjang tahun. Herba ini boleh ditanam di kebanyakan jenis tanah yang mempunyai saliran air yang baik.

Spesies herba ini mempunyai banyak khasiat dan kegunaan. Antaranya, ia sering digunakan dalam masakan dan pembuatan pelbagai produk hiliran dalam industri makanan, minuman, perubatan dan kesihatan. Pada masa kini, permintaan terhadap kunyit dan serai telah meningkat tetapi pengeluaran tempatan tidak dapat menampung permintaan tersebut. Ini disebabkan faktor kekurangan tanah yang sesuai, penanaman tunggal berskala kecil dan kos pengeluaran yang tinggi.

Tanaman kunyit dan serai berpotensi tinggi untuk ditanam secara integrasi bersama tanaman sawit (*Rajah 1*). Integrasi kunyit dan serai di kawasan tanaman sawit merupakan satu alternatif dalam usaha meningkatkan pengeluaran herba negara. Integrasi herba bersama sawit boleh dilakukan ketika umur sawit masih muda kerana penembusan cahaya matahari melalui kanopi adalah tinggi sehingga 98%, yang sesuai untuk pertumbuhan. Integrasi kunyit dan serai dapat mengoptimalkan penggunaan tanah di kawasan sawit, meningkatkan produktiviti ladang, memberi pendapatan tambahan dan meningkatkan taraf hidup bagi menjamin kesejahteraan penanam sawit.

Penyediaan Kawasan

Kunyit dan serai sesuai ditanam secara integrasi dengan sawit di kawasan sistem segi tiga sama dan sistem dua baris kembar. Bagi mendapatkan kepadatan pokok yang lebih tinggi dan hasil yang lebih ekonomik, integrasi kunyit dan serai digalakkan dijalankan di kawasan tanaman sawit sistem dua baris kembar. Penyediaan tanah yang sempurna perlu dilakukan sebelum penanaman herba ini dapat dijalankan (*Rajah 2*). Kawasan penanaman antara barisan pokok sawit untuk integrasi herba ini perlu dibajak sebanyak dua kali menggunakan bajak piring dan bajak putar pada kedalaman 20-30 cm. Ia bagi memudahkan kerja-kerja penanaman dan dapat menjamin tanaman kunyit dan serai tumbuh dengan subur. Pengapuran hendaklah dijalankan selepas kerja pembajakan pertama siap pada kadar 2.5 tan ha⁻¹. Pengapuran dibuat untuk memastikan pH tanah adalah sesuai untuk penanaman tanaman herba ini iaitu di antara pH 5.5–6.5.

Sebelum kerja membajak putar dijalankan, baja asas NPK 15:15:15 pada kadar 200 kg ha⁻¹ dan baja organik tinja ternakan pada kadar 3-5 tan ha⁻¹ hendaklah ditabur secara sekata bagi meningkatkan kandungan nutrien tanah. Pembajakan putar akan menggaulkan baja-baja asas ini ke dalam tanah dengan sekata. Bagi penanaman kunyit, batas tanaman perlu dinaikkan untuk penanaman umbisi kunyit. Sebelum penanaman dijalankan, racun pra-cambah seperti Monex, DualG 960 dan Fusilade Forte disembur bagi memastikan benih-benih rumpai mati sepenuhnya agar pertumbuhan awal serai dan kunyit tidak terganggu disebabkan pertumbuhan rumpai.

Penanaman

Bagi penanaman kunyit, digalakkan menggunakan anak benih yang telah mempunyai 1-2 lai daun bagi memastikan kadar hidup yang tinggi selepas penanaman ke ladang. Penanaman dibuat di atas batas menggunakan jarak tanaman 0.6 m di antara baris dan 0.5 m di dalam baris. Selesai penanaman, naungan sementara (seperti jaring hitam) perlu diberikan untuk integrasi kunyit di kawasan tanaman sawit muda bagi tempoh tiga bulan pertama. Ia bertujuan untuk memelihara tanaman kunyit pada awal penanaman yang memerlukan sedikit naungan, kelembapan dan tidak tahan kepada cuaca panas untuk pertumbuhan yang optimum.



Rajah 1. Integrasi kunyit (kiri) dan serai (kanan) bersama sawit berumur empat tahun di kawasan tanaman sawit sistem dua baris kembar.



Rajah 2. Penyediaan kawasan penanaman yang sempurna penting sebelum penanaman dijalankan.

Manakala bagi tanaman serai, penanaman hendaklah menggunakan batang serai yang bersaiz besar dan berakar. Tanam dua batang serai ke dalam setiap lubang penanaman. Jarak tanaman serai yang sesuai ialah 1.0 m antara baris dan 0.5 m antara tanaman dalam baris yang sama.

Pembajaan

Pembajaan adalah penting sebagai sumber pemakanan kepada tanaman supaya ia mencapai pertumbuhan yang sempurna. Pembajaan secara berkala terhadap kunyit dapat mempercepatkan penghasilan serta meningkatkan pengeluaran umbisi. Manakala bagi serai, ia

mampu meningkatkan kesuburan tanaman untuk merumpun lebih cepat dan menghasilkan batang serai yang banyak dan besar. Program pembajaan yang disyorkan untuk kunyit ditunjukkan pada *Jadual 1* dan serai pada *Jadual 2*.

Kawalan Rumpai

Kawalan rumpai pada peringkat awal penanaman perlu dilakukan secara berkala bagi mengelakkan persaingan sumber nutrien, air dan cahaya matahari antara tanaman herba dan rumpai. Ia perlu dilakukan sebelum pembajaan bagi mengelakkan pembaziran baja. Kerja-kerja merumpai boleh dilakukan secara manual menggunakan cangkul dan mesin rumput. Kawalan rumpai secara berkala dapat memastikan kawasan penanaman bebas rumpai dan tanaman herba hidup subur.

Kawalan Penyakit dan Perosak

Terdapat beberapa jenis perosak yang sering menyerang tanaman kunyit. Antaranya serangga seperti belalang, ulat bungkus serta beluncas dan haiwan seperti babi atau monyet. Serangga perosak dapat dikawal dengan menggunakan semburan racun kimia dengan dos yang bersesuaian dengan tahap serangan. Untuk kawalan haiwan perosak, ia dilakukan dengan kaedah mekanikal seperti pemasangan pagar perimeter atau memasang perangkap. Kawalan perosak perlu dilakukan secara berkala bagi memastikan tanaman kunyit tumbuh dengan baik. Penyakit jarang menyerang tanaman kunyit, kecuali umbisi kunyit rosak kerana terendam air. Kunyit yang diserang kulat menunjukkan simptom layu dan daun kekuningan. Bagi mengawal serangan kulat, semburan racun kulat benomyl boleh dilakukan.

JADUAL 1. PROGRAM PEMBAJAAN KUNYIT

Umur selepas tanam (bulan)	Jenis baja	Kadar baja (g/pokok)
1	NPK 15:15:15	20 g
2	Organik tinja ternakan	100 g
4	NPK 15:15:15	50 g
5	Organik tinja ternakan	100 g
7	NPK 12:12:17:2	50 g

JADUAL 2. PROGRAM PEMBAJAAN SERAI

Umur selepas tanam (bulan)	Jenis baja	Kadar baja (g/pokok)
1	Baja sebatian NPK 15:15:15 Semburan bayfolan (Sukat 40 mL / 10 L air untuk 800 pokok)	20 g
2	Baja sebatian NPK 15:15:15 Baja organik tinja kambing Semburan bayfolan	50 g 100 g
3	Baja sebatian NPK 15:15:15 Semburan bayfolan	80 g
4	Baja sebatian NPK 15:15:15 Semburan bayfolan	80 g
5	Semburan bayfolan	
6	Semburan bayfolan	
7	Semburan bayfolan	
8	Semburan bayfolan	

Serai jarang diserang penyakit dan perosak. Sekiranya ada, biasanya disebabkan oleh ulat pengorek batang dan cara mengawalinya ialah dengan mengasingkan rumpun yang terkena serangan. Manakala penyakit yang sering menyerang serai adalah reput akar, di mana bahagian batang dan akar serai akan membusuk. Ia berlaku apabila kawasan tanaman serai bertakung air. Bagi langkah kawalan, pastikan saluran air di kawasan penanaman serai adalah dalam keadaan yang baik.

Penuaian

Tanaman kunyit boleh dituai umbisinya lima bulan selepas ditanam untuk hasil kunyit muda dan sembilan bulan lepas tanam untuk hasil kunyit tua. Bagi tanaman serai biasanya ia mencapai tempoh matang setelah berumur 8-9 bulan selepas ditanam dan sesuai untuk dituai batangnya. Penuaian boleh dilakukan secara manual menggunakan cangkul atau pahat. Setelah penuaian, hasil kunyit dan serai perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum dijual (*Rajah 3*).

“Tanaman herba yang diselenggarakan dengan baik mampu mengeluarkan hasil yang baik dan menjana pendapatan tambahan yang menguntungkan kepada penanam sawit.”



Rajah 3. Hasil tuaian kunyit tua (kiri) dan serai (kanan) yang sedia dijual.

Hasil dan Pendapatan

Hasil kajian mendapati integrasi kunyit dan serai di kawasan tanaman sawit dua baris kembar memberikan anggaran pendapatan seperti di *Jadual 3*. Kos pengeluaran sehektar integrasi kunyit berkepadatan 10 080 pokok dianggarkan sebanyak RM15 220 ha⁻¹. Dengan harga jualan kunyit RM4.00 kg⁻¹, pendapatan bersih hasil kunyit ialah RM41 228 ha⁻¹. Manakala kos pengeluaran sehektar integrasi serai dianggarkan sebanyak RM13 791 ha⁻¹ bagi kepadatan tanaman ialah 8400 pokok. Dengan harga jualan serai RM2.50 kg⁻¹ pendapatan bersih hasil serai ialah RM10 989 ha⁻¹.

Penutup

Tanaman kunyit dan serai sesuai ditanam sebagai tanaman selingan jangka pendek bersama sawit. Tanaman herba yang diselenggarakan dengan baik mampu mengeluarkan hasil yang baik dan menjana pendapatan tambahan yang menguntungkan kepada penanam sawit. Oleh itu, teknologi integrasi tanaman herba kunyit dan serai dengan sawit ini disyorkan untuk diguna pakai oleh penanam sawit bagi memaksimumkan penggunaan tanah, meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan tambahan untuk pekebun sawit.

JADUAL 3. ANGGARAN PENDAPATAN INTEGRASI KUNYIT DAN SERAI BERSAMA SAWIT DALAM SISTEM SAWIT DUA BARIS KEMBAR

Tanaman	Hasil (tan/ha)	Pendapatan (RM/ha)	Kos pengeluaran (RM/ha)	Pendapatan bersih (RM/ha)	Pulangan pelaburan
Kunyit	14.1	56 448	15 220	41 228	3.7
Serai	9.9	24 780	13 791	10 989	1.8

????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Tiga pembaca Warta Sawit berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM50** sekiranya berjaya menjawab lima soalan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pembaca Warta Sawit, kecuali kakitangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan ahli keluarga;
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 OKTOBER 2023**; dan
- Keputusan juri adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Lembaga Minyak Sawit Malaysia,
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan
Pensijilan

melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-821 9693
 ATAU emelkan kepada *wartasawit@mpob.gov.my*



**SUMBER MAKLUMAT
 UNTUK MENJAWAB
 SOALAN KUIZ
 INI ADALAH
 BERDASARKAN
 ARTIKEL-ARTIKEL
 DALAM WARTA
 SAWIT BIL. 84(2)/
 MEI-OGOS 2023.**



**SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 84(2)/
 MEI - OGOS 2023**

1. Apakah fungsi kalkulator yang terdapat diaplikasi mudah alih InfoSAWIT ?
 - i. Kiraan belian BTS
 - ii. Kiraan jualan BTS
 - iii. Kiraan harga BTS
 - iv. Kiraan pendapatan hasil BTS

a) i dan iii b) i dan iv
 c) i, ii, iii dan iv d) iii dan iv

2. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan aplikasi mudah alih InfoSAWIT ?
 - a) *Google Play Store* dan *Apple App Store*
 - b) *Short Messaging Services (SMS)*
 - c) *WhatsApp*
 - d) *Facebook*
3. Apakah nama saintifik untuk tanaman kunyit?
 - a) *Cymbopogon citratus*
 - b) *Curcuma domestica*
 - c) *Curcuma amada*
 - d) *Capsicum frutescens*
4. Berapa jarak tanaman yang sesuai untuk integrasi serai bersama sawit?
 - a) 0.6 m di antara baris x 0.5 m di dalam baris
 - b) 1.5 m di antara baris x 0.5 m di dalam baris
 - c) 1.0 m di antara baris x 0.5 m di dalam baris
 - d) 1.0 cm di antara baris x 0.5 cm di dalam baris
5. Berapakah pendapatan bersih bagi tanaman kunyit dan serai menggunakan sistem tanaman sawit dua baris kembar?
 - a) Kunyit RM41 228 Serai RM10 989
 - b) Kunyit RM56 448 Serai RM24 780
 - c) Kunyit RM41 008 Serai RM10 000
 - d) Kunyit RM15 220 Serai RM13 791

Nama : _____

 No. Kad Pengenalan : _____
 No. Telefon : _____
 Alamat : _____

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT
 BIL. 83(1)/ JANUARI-APRIL 2023**

1. C 4. C
 2. B 5. A
 3. A



NASI GORENG MINYAK SAWIT MERAH

Bahan-bahan

- 3 sudu besar minyak sawit merah
- 2 sudu besar marjerin berasaskan minyak sawit
- 2-3 ulas bawang merah (ditumbuk @ dikisar)
- 2 ulas bawang putih (ditumbuk @ dikisar)
- 4-5 ekor udang (yang telah disiang)
- 2-3 ekor sotong (dipotong bulat)
- 1 biji telur
- 1 mangkuk nasi putih
- 2 sudu besar kicap cair
- 3 sudu besar sos cili
- 2 tangkai kacang panjang (potong kecil-kecil)
- ½ lobak merah (potong dadu)
- Garam dan perasa – secukup rasa

Cara Penyediaan

1. Panaskan kuali dan masukkan minyak sawit merah dan marjerin.
2. Tumis bawang merah dan bawang putih sehingga masak.
3. Tambahkan kicap cair dan sos cili serta kacau hingga rata.
4. Masukkan udang dan sotong, kacau selama 2 hingga 3 minit.
5. Masukkan telur, pastikan telur separuh masak dan kacau sebati bersama udang dan sotong tadi.
6. Kemudian, masukkan nasi putih dan kacau sebentar.
7. Masukkan kacang panjang dan lobak merah serta kacau hingga sebati.
8. Akhir sekali, tambah garam dan perasa secukup rasa. Kacau semuanya sehingga sebati. Sedia untuk dihidangkan.



PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas dari MPOB. Sila hantar ke alamat: MPOB, 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.u/p: Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan ATAU melalui aplikasi WhatsApp 017-821 9693 ATAU fakskan ke 03-8920 2932 ATAU emelkan kepada wartasawit@mpob.gov.my



APLIKASI MUDAH ALIH InfoSAWIT



Penulis:
Khairina Ahmad Khir; Ayatollah
K. Ab Rahman; Nazlin Ismail
dan Johari Minal
khairina@mpob.gov.my

Pengenalan

InfoSAWIT merupakan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) untuk kegunaan industri sawit Malaysia mendapatkan maklumat harga keluaran sawit terpilih. MPOB menghebahkan harga ini secara harian iaitu setiap hari bekerja dan bulanan iaitu pada 1hb hari bekerja setiap bulan serta hebahan bulanan prestasi industri sawit Malaysia pada 10hb hari bekerja setiap bulan. Maklumat ini boleh diakses melalui peranti mudah alih seperti telefon pintar atau komputer tablet. InfoSAWIT dibangunkan pada Mac 2022 bagi menggantikan SAWIT Info-SMS yang menawarkan perkhidmatan maklumat harga dan prestasi industri sawit melalui khidmat pesanan ringkas atau *short messaging services* (SMS).

Pembangunan InfoSAWIT telah memberi banyak manfaat kepada pemain industri serta memainkan peranan penting dalam memastikan industri sawit negara terus berdaya saing. Nilai tambah kepada aplikasi mudah alih ini adalah penerimaan notifikasi mengenai status kemas kini hebahan bulanan prestasi industri sawit Malaysia dan kalkulator kiraan harga buah tandan segar (BTS) sawit serta kiraan pendapatan hasil BTS. InfoSAWIT tersedia dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta boleh dimuat turun secara percuma oleh semua pengguna di seluruh dunia.

Kategori Hebahan Maklumat InfoSAWIT

Terdapat lapan kategori utama hebahan maklumat yang sentiasa dikemas kini seperti dalam *Jadual 1*. Pengguna boleh menyemak terus

maklumat terkini yang dihebahkan oleh MPOB dengan paparan skrin yang lebih menarik dan mesra pengguna serta mudah difahami melalui telefon pintar (*Rajah 1*).

Kaedah Muat Turun InfoSAWIT

Pengguna boleh memuat turun InfoSAWIT secara percuma di platform *Google Play Store* (Versi Android) dan *Apple App Store* (Versi iOS) (*Rajah 2*). Seterusnya, pengguna perlu mendaftar akaun dengan mengisi profil pengguna dan memasukkan butir-butir diri yang diperlukan seperti nama pengguna, pekerjaan/jawatan/organisasi, negeri dan negara. Akhirnya, pengguna boleh terus melayari aplikasi tersebut untuk mendapatkan maklumat mengenai hebahan harga keluaran sawit terpilih secara harian dan bulanan serta hebahan bulanan prestasi industri sawit Malaysia yang terkini dengan mudah, tepat dan pantas.

Kalkulator Kiraan Harga dan Pendapatan Hasil BTS

Kiraan Harga BTS

Paparan skrin Kiraan Harga BTS (*Rajah 3*) yang lebih mesra pengguna dan mudah difahami telah banyak membantu pengguna khususnya pekebun kecil sawit. Mereka dapat mengetahui harga panduan BTS MPOB pada kadar perahan minyak (KPM) 1% pada setiap hari bekerja dengan pantas tanpa melayari laman sesawang rasmi MPOB. Pengguna hanya perlu memilih harga panduan BTS semasa mengikut wilayah yang dikehendaki sama ada Utara, Selatan, Tengah, Timur, Sabah atau Sarawak.


Seterusnya, pengguna perlu mengisi ruangan maklumat kadar perahan minyak digred (KPMD) bagi mendapatkan harga BTS (RM/t). Melalui fungsi tambahan Kiraan Harga BTS yang terdapat di aplikasi mudah alih ini, penetapan harga BTS di antara pekebun kecil dengan peniaga BTS dapat dibuat secara telus kerana kedua-dua pihak merujuk kepada harga panduan yang sama. Keadaan ini dapat mewujudkan keharmonian dan hubungan mesra di antara kedua belah pihak serta dapat meningkatkan kuasa penawaran pekebun kecil.

Kiraan Pendapatan Hasil BTS

Pengguna juga boleh menggunakan kalkulator Kiraan Pendapatan Hasil BTS (*Rajah 4*) untuk mendapatkan anggaran pendapatan daripada hasil

JADUAL 1. KATEGORI HEBAHAN MAKLUMAT InfoSAWIT

Bil.	Kategori hebahan maklumat	Status kemas kini
1.	Harga panduan harian BTS (KPM 1%)	Setiap hari bekerja, jam 12.30 tengah hari
2.	Harga harian minyak sawit mentah, isirung sawit dan minyak isirung sawit mentah	Setiap hari bekerja, jam 4.30 petang
3.	Harga panduan bulanan BTS (KPM 1%)	
4.	Harga bulanan minyak sawit mentah	Setiap 1hb hari bekerja, jam 1.30 petang
5.	Harga bulanan isirung sawit	
6.	Harga bulanan minyak isirung sawit mentah	
7.	Prestasi bulanan industri sawit Malaysia	Setiap 10hb hari bekerja, jam 12.30 tengah hari
8.	Eksport	




Rajah 1. Paparan maklumat InfoSAWIT.



Rajah 2. Kaedah muat turun InfoSAWIT dan icon InfoSAWIT.



Rajah 3. Kiraan harga BTS.



Rajah 4. Kiraan pendapatan hasil BTS.

jualan BTS berdasarkan harga panduan BTS semasa yang dikeluarkan oleh MPOB mengikut Wilayah Utara, Selatan, Tengah, Timur, Sabah atau Sarawak.

Melalui ruangan pengisian maklumat kadar perahan minyak digred (KPM), jumlah kos yang terlibat seperti komisen peniaga BTS, kos pengangkutan, kos penuaian/ pengumpulan BTS serta lain-lain kos telah membantu pekebun kecil memahami faktor-faktor yang menyebabkan tawaran harga yang diterima sama ada tinggi atau rendah bagi setiap tan BTS yang dijual.

Kalkulator ini sangat berkesan dalam memupuk kesedaran pengguna terutamanya pekebun kecil untuk lebih cakna terhadap kos-kos yang terselindung dalam penjualan BTS kepada peniaga BTS serta mengambil tahu tentang kualiti BTS yang dihasilkan bagi mendapatkan hasil pendapatan jualan BTS yang maksimum.

KESIMPULAN

InfoSAWIT menjadi satu-satunya aplikasi mudah alih yang disediakan oleh MPOB sebagai platform alternatif bagi rujukan harga sawit dan prestasi industri sawit negara. Ini kerana maklumat harga adalah sangat penting bagi pihak industri dalam membantu mereka membuat keputusan terutama dalam proses jual-beli keluaran sawit. Pengguna kini dapat menikmati kemudahan yang dibangunkan oleh MPOB dengan fungsi dan paparan skrin yang lebih mesra pengguna dan menjimatkan kos.

Berita Bergambar



YAB Dato' Sri Hj. Fadillah Hj. Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi beramah mesra bersama para peserta KOML sempena Majlis Pelancaran Penggunaan Helikopter bagi Kawalan Bersepadu Serangga Perosak Ulat Bungkus dan Pecah Tanah Kilang Sawit Pintar bertempat di Stesen MPOB Keratong, Pahang pada 26 Jun 2023.

YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir, Ketua Pengarah MPOB pada Majlis Memeterai Memorandum Perjanjian antara Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGAGCF), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Yayasan Earthworm (EF) bertempat di Dewan Serbaguna Sungai Ara, Johor pada 10 Julai 2023.



Sekitar Program Malaysia Palm Oil Expo 2023 (MAPEX) bertempat di Sandakan, Sabah pada 20-21 Jun 2023.



Lawatan Delegasi Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Bau, Sarawak ke Ibu Pejabat, MPOB, Bangi pada 31 Julai 2023.



YAB Dato' Sri Hj. Fadillah Hj. Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi menyampaikan Sijil MSPO sempena Majlis Trek Komoditi (Zon Tengah) bertempat di Sime Darby, Pulau Carey, Selangor pada 6 Ogos 2023.

YBhg. Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, Pengerusi MPOB melawat pameran sempena Majlis Perasmian Program Pindahan Teknologi Sawit (TOT) MPOB 2023 bertempat di Ibu Pejabat MPOB, Bangi pada 6 Julai 2023.



YB Dato' Zahari Sarip, Exco Pertanian Negeri Johor melawat pameran MPOB sempena Perasmian Karnival Agro Johor 2023 bertempat di Tanjung Emas, Muar, Johor pada 21-23 Ogos 2023.



Bengkel Piawaian MSPO MS2530:2022 bertempat di FELDA Residence Tanjung Leman, Mersing, Johor pada 9-11 Mei 2023 melibatkan Pegawai TUNAS.

Sudut Renungan

Kualiti perkhidmatan yang baik merupakan antara perkara yang penting menurut perspektif Islam.

Firman Allah S.W.T. di dalam surah Al-Imran (3: 110) yang bermaksud:

“Kamu (umat Muhammad S.A.W.) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kamu menyuruh berbuat baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (mungkar) serta kamu pula beriman kepada Allah.”


Firman Allah S.W.T. di dalam surah At-Taubah (9: 105) yang bermaksud:

“Dan katakanlah bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu ...”



Agama Islam menyuruh umatnya sentiasa melakukan kebaikan kepada manusia yang lain. Ini termasuklah memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelanggan. Kualiti perkhidmatan yang terbaik akan terhasil apabila wujud satu keyakinan bahawa Allah S.W.T. sentiasa mengawasi pekerjaan dan melihatnya walau di mana jua.

SEMBANG SAWIT



DIARI & PROGRAM

(SEPTEMBER – DISEMBER 2023)

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON TENGAH			
12/10/2023	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	KPSM Alor Gajah	Pn. Nur Hana Basaruddin Penyelaras TUNAS Zon Tengah Tel: 03-8769 4400 <i>nurhana@mpob.gov.my</i>
5/12/2023		Pusat Timbang BTS Perladangan Kesang Indah Semunjuk	
2/12/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Pusat Timbang Merbau, Puncak Sg. Panjang	
ZON TIMUR			
19/9/2023	Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	Dewan Orang Ramai Chalok Kedai, Besut, Terengganu	En. Mohd Khairul Anwar Isnin Penyelaras TUNAS Zon Timur Tel: 09-296 0580 <i>khairulanwar@mpob.gov.my</i>
16/11/2023		Dewan Jubli Perak Sultan Hj. Ahmad Shah, Bentong	
27/9/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Balai Raya Kg. Paya Serai, Bera, Pahang	
29/12/2023		PLASMA MPOB Keratong, Pahang	
30/11/2023 dan 1/12/2023		Dewan PPK Machang, Kelantan	
28/9/2023		Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	
27/10/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Dewan Orang Ramai Kg. Pulau Manis, Pekan, Pahang	
ZON UTARA			
14/9/2023	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	Dewan Serbaguna, Daerah Teluk Intan	En. Muhammad Nizamuddin Mohamed Penyelaras TUNAS Zon Utara Tel: 05-623 4104 <i>nizamudin@mpob.gov.my</i>
17/9/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Peniaga BTS EAU Trading, Bandar Baharu, Kedah	
20/11/2023		Perniagaan Sawit Kongtar, Sungai Tinggi, Perak	
14/12/2023		Peniaga BTS HK Teoh Lao Soon Sdn. Bhd., Serdang, Kedah	
25/9/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Dewan Kompleks IADP, Blok B Kompleks IADP Baling, Kedah	
5/12/2023		Ladang PPPNP Sg. Galah, Perak dan Kilang Kelapa Sawit PPPNP Kg. Gajah	
18/10/2023	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Dewan Kg. Tua, Batu 16, Mukim Lambor	
8/11/2023		CK Teik Enterprise Sdn. Bhd., Lot 1312, Jalan Bukit Kukus, Mukim Lunas, Kulim, Kedah	
8/12/2023		Dewan Balai Raya Pekan Gurney Sitiawan, Perak	

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON SELATAN 1			
27/9/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Mini Konvensyen Projek Pertanian Modern, Ayer Hitam	Pn. Nazirah Che Jafar Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Tel: 07-789 1133 <i>nazirah@mpob.gov.my</i>
22/11/2023		Dewan Serbaguna Sungai Bunyi, Pontian, Johor	
15/12/2023		Bilik Mesyuarat, Pejabat Kota Tinggi	
29/9/2023	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Balai Raya Kg. Tengah, Renggam	
13/10/2023	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	Stesen Penyelidikan MPOB Kluang	
11/12/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Magical Wealth Sdn. Bhd., Kluang	
ZON SELATAN 2			
2/9/2023	Program Menteri Bersama Pekebun Kecil	Hotel Katerina, Batu Pahat, Johor	Pn. Hasmiza Desa Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Tel: 07-454 5128 <i>hasmiza@mpob.gov.my</i>
30/11/2023		Kompleks MSN Pagoh, Muar, Johor	
28/10/2023	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Pejabat MPOB Cawangan Parit Raja	
17/12/2023	Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	All Cosmos Industries Sdn. Bhd., Pasir Gudang	
ZON SABAH 1			
11/9/2023	Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	Dewan Baru Beaufort	En. Amran Arifin Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1 Tel: 088-493 700 <i>amranariffn@mpob.gov.my</i>
22/10/2023		Dewan Kg. Rantek, Beluran, Sabah	
3/10/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Balai Raya Komuniti Kg. Mungan Sugut	
5/12/2023		Dewan Balai Raya Kg. Bambangan, Kota Belud	
20/10/2023	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Dewan Taman Cahaya Kg. Muhibbah, Batu 12, Sandakan, Sabah	
2/11/2023	Program Menteri Bersama Pekebun Kecil	Dewan Kuliah Politeknik Sandakan	
26/11/2023		Dewan SK Ludong, Matunggong, Kudat	
2/12/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Batu 12, Rancangan Sg. Manila, Sandakan	
ZON SABAH 2			
8/9/2023	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Dewan Serbaguna Kg. Murut Kalabakan	Pn. Siti Rashidah Michael Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Tel: 089-897 106 <i>rashidah.michael@mpob.gov.my</i>
15/9/2023		Balai Raya Serbaguna Sg. Bergusong, Tawau	
2/11/2023		Pusat Timbang Intan Sawit, Silabukan, Lahad Datu	
7/12/2023		Dewan Kg. Telisai Tungku, Lahad Datu	
12/9/2023	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	PLASMA INN MPOB Lahad Datu, Sabah	
20/10/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Perkarangan KOPEL, Kg. Batu Puteh, Kinabatangan	
25/11/2023		Pejabat MPOB Cawangan Semporna	
22/12/2023		Dewan Kg. Kuamut, Telupid	
23/11/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Stesen Penyelidikan MPOB, Lahad Datu	

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON SARAWAK 1			
7/9/2023	Program Latihan Taklimat GAP/MSPO	Bilik Mesyuarat Perpustakaan Sri Aman	Dr. Mohamad Arfan Johari Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Tel: 083-436 252 <i>arfan@mpob.gov.my</i>
10/9/2023		Bilik Taklimat Perpustakaan Saratok	
19/9/2023		Dewan SK Sungai Mador, Bintangor	
25/12/2023		Dewan Masyarakat Serian, Sarawak	
17/9/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Dewan Suaran Kota Samarahan, Sarawak	
29/10/2023	Program Menteri Bersama Pekebun Kecil	Dewan Sukan Tan Sri Datuk Amar Stephen, Betong	
2/11/2023	Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	Saratok Palm Oil Mill Sdn. Bhd.	
10/12/2023		Kilang Sawit Sri Aman Sarawak	
29/11/2023	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	Dewan Mesra, Simunjan	
29/11/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Pejabat MPOB Serian	
23/12/2023		Dewan Masyarakat Betong	
ZON SARAWAK 2			
10/9/2023	Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	Dewan Masyarakat Bintulu	En. Khairul Abidin Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 Tel: 085-427 166 <i>khairul.abidin@mpob.gov.my</i>
2/10/2023		Dewan Sri Jayong SMK Belaga	
27/10/2023		Dewan Masyarakat Rumah Andrew Abak, Batu Niah	
10/9/2023 dan 3/12/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Kg. Sekapan Piet, Belaga, Sarawak	
19/11/2023	Lain-lain Program Kursus dan Latihan	Dewan Masyarakat Belaga	

PRESTASI SAWIT

(MEI – OGOS 2023)



Penulis:

Ayatollah K. Ab Rahman; Nazlin
Ismail dan Johari Minal

ayat@mpob.gov.my; dila@mpob.
gov.my dan johari@mpob.gov.my

Secara umumnya, harga buah tandan segar (BTS) ditentukan oleh pergerakan harga minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK) yang sentiasa berubah-ubah kerana dipengaruhi oleh faktor asas dan sentimen di pasaran. Ini kerana lebih 80% minyak sawit Malaysia dijual keluar negara. Harga BTS juga dipengaruhi oleh faktor kualiti BTS itu sendiri yang digambarkan melalui kadar perahan minyak sawit (KPM). Harga BTS akan menjadi lebih tinggi sekiranya memperoleh kadar KPM yang tinggi dan sebaliknya harga BTS akan menjadi lebih rendah pada kadar KPM yang rendah.

Prestasi harga MSM pada Mei-Ogos 2023 telah diniagakan lebih rendah pada RM3757.50 setan berbanding RM4026.50 setan pada Januari-April 2023 atau menurun sebanyak 6.7% (*Jadual 1*). Harga PK juga telah menurun kepada RM1974.00 setan pada Mei-Ogos 2023 berbanding RM2047.50 setan pada Januari-April 2023. Penurunan harga MSM dan PK ini telah menyumbang kepada

penurunan harga BTS kepada RM760.00 setan pada Mei-Ogos 2023 berbanding RM810.00 setan pada Januari-April 2023 atau penurunan sebanyak 6.2%.

Rajah 1 menunjukkan prestasi harga BTS mengikut wilayah pada Mei-Ogos 2023 berbanding Januari-April 2023 seperti yang dilaporkan oleh pengilang minyak sawit kepada MPOB pada setiap bulan. Secara keseluruhannya, harga BTS bagi tempoh Mei-Ogos 2023 telah menunjukkan trend penurunan berbanding trend peningkatan pada Januari-April 2023. Bagi tempoh Mei-Ogos 2023, harga BTS tertinggi telah direkodkan pada Mei 2023 iaitu RM776 setan di Wilayah Selatan dan harga BTS terendah pula pada RM643 setan yang direkodkan pada Jun 2023 di Sarawak.


Kelemahan prestasi harga BTS di pasaran adalah disebabkan oleh penurunan harga MSM dan PK di pasaran. Faktor-faktor yang telah menyumbang kepada penurunan harga MSM di pasaran bagi tempoh Mei-Ogos 2023 adalah seperti berikut:

- 1) Penurunan harga minyak kacang soya di pasaran antarabangsa yang disebabkan oleh kelemahan permintaan dan musim penuaian yang tinggi.
- 2) Penurunan harga minyak mentah Brent di pasaran disebabkan oleh lambakan pengeluaran dan kelemahan permintaan.

JADUAL 1. PRESTASI HARGA SAWIT MALAYSIA TERPILIH JANUARI-OGOS 2023 (RM/t)

Bulan	Minyak sawit mentah	Isirung sawit	Buah tandan segar***
Januari	3 922.00	2 041.50	789.00
Februari	3 908.00	2 018.50	761.00
Mac	4 159.50	2 099.00	830.00
April	4 217.50	2 043.00	865.00
Purata	4 026.50*	2 047.50*	811.00.
Mei	3 795.50	2 026.00	774.00
Jun	3 525.00	1 900.50	716.00
Julai	3 897.00	1 980.00	779.00
Ogos**	3,775.00	2 104.00	770.00
Purata	3 757.50*	1 974.00*	760.00

Nota: *** Harga purata BTS yang dilaporkan oleh pengilang minyak sawit kepada MPOB (RM/KPM1%) didarabkan dengan KPM ; ** Harga unjuran; *Purata berwajaran.



Nota: *Harga unjuran.

Rajah 1. Prestasi harga BTS mengikut Wilayah Januari-Ogos 2023.

“Prestasi harga sawit diunjurkan akan kembali stabil bagi tempoh September-Disember 2023 disebabkan oleh jangkaan permintaan eksport minyak sawit yang mengukuh, pengeluaran MSM yang akan memasuki trend penurunan, jangkaan stok minyak sawit yang rendah dan unjuran pengukuhan harga minyak kacang soya dunia yang merupakan pesaing utama kepada minyak sawit di pasaran.”

- 3) Stok minyak sawit yang tinggi.
- 4) Kebimbangan terhadap risiko kemelesetan ekonomi dunia.
- 5) Musim pengeluaran sawit yang telah mula meningkat.

Prestasi harga sawit bagi tempoh Mei-Ogos 2023 adalah lebih rendah berbanding prestasi harga yang lebih baik dicatatkan pada Januari-April 2023. Prestasi harga sawit diunjurkan akan kembali stabil bagi tempoh September-

Disember 2023 disebabkan oleh jangkaan permintaan eksport minyak sawit yang mengukuh, pengeluaran MSM yang akan memasuki trend penurunan, jangkaan stok minyak sawit yang rendah dan unjuran pengukuhan harga minyak kacang soya dunia yang merupakan pesaing utama kepada minyak sawit di pasaran. Justeru itu, harga BTS diunjurkan akan kembali stabil dan menjanjikan pulangan yang lebih baik terutamanya kepada pekebun kecil sawit.

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (TSPKS)



TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT



Membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil bagi melaksanakan penanaman semula sawit

KADAR PEMBIAYAAN

RM10,000
PER HEKTAR (SEMENANJUNG)

RM14,000
PER HEKTAR (SABAH & SARAWAK)

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun - 58 tahun.
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar.
- Memiliki sawit berusia lebih 25 tahun.
- Memiliki lesen MPOB.

BAYARAN
BALIK
BERMULA
TAHUN
KE-5

KADAR
KEUNTUNGAN
2%

LUAS
MAKSIMA
6.5
HEKTAR

KELEBIHAN PEMBIAYAAN

- Lulus Segera
- Tanpa Cagaran
- Ansuran Mudah
- Tanpa Penjamin

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan Geran Tanah
3. Salinan Lesen MPOB



Borang permohonan boleh diperolehi di semua
Pejabat MPOB & Agrobank bermula
15 Ogos 2019

palmoilpedia

PELADANG JAYA

“Segulai Sejalai” dan “Agi Idup Agi Ngelaban”



Penulis:
Dr. Mohamad Arfan Johari
dan Mohamad Effendi Marzuki
arfan@mpob.gov.my



Dengan berpegang kepada prinsip hidup “Segulai Sejalai” (Berjalan Seiringan) dan “Agi Idup Agi Ngelaban” (Selagi Ada Hayat, Selagi Itulah Berjuang), menjadikan pendorong semangat kepada *Peladang Jaya* kali ini yang berasal dari Bumi Kenyalang. En. Umin anak Meringai, 54 tahun dari Rumah Albin, Sungai Liuk, Balingian, Sarawak merupakan Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Sungai Liuk, Balingian. Beliau dan isteri, Pn. Pudai anak Kiai bersama dua orang anak menetap di dalam istana kecil, hasil usaha dan titik-peluh mengusahakan tanaman sawit.

Tekad untuk mengubah kehidupan keluarga dan ditambah dengan usaha dan kegigihan, menjadikan beliau seorang pekebun kecil yang berjaya. Beliau telah berkecimpung dalam industri sawit sejak 15 tahun yang lalu dengan bantuan isteri tercinta. Hasil sawit merupakan sumber pendapatan utama kepada beliau sekeluarga. Kebun sawit miliknya yang berkeluasan 11.28 ha terletak di kawasan Sungai Liuk dijaga dan diurus dengan baik mengikut nasihat MPOB sehingga beliau berjaya memperoleh hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan lumayan.

Beliau sangat aktif dalam mengikuti kursus dan taklimat anjuran agensi kerajaan termasuk MPOB. Selain itu, beliau juga sangat berlapang dada menerima nasihat dan tunjuk ajar daripada Pegawai TUNAS MPOB bagi mendapatkan ilmu pengurusan sawit yang betul. En. Umin secara konsisten mengamalkan kerja-kerja pembajaan dengan kekerapan sebanyak tiga kali setahun dengan kadar purata 6 hingga 7 kg/pokok/tahun dengan menggunakan baja sebatian MPOB F3 seperti yang disyorkan oleh MPOB.

Aktiviti penuaian BTS dilakukan sebanyak dua kali sebulan secara manual menggunakan sabit mengikut piawaian tandan masak MPOB dan dihantar terus ke kilang dalam tempoh masa 24 jam selepas proses penuaian dan diangkut menggunakan lori 5 tan miliknya. Pelepah sawit yang telah dipangkas disusun menggunakan kaedah selang sebaris di antara barisan pokok seperti yang disarankan oleh Pegawai TUNAS Kawasan. Kawalan rumpai secara kimia dilakukan menggunakan racun rumpai jenis sistemik mengikut dos yang disarankan oleh MPOB dan Jabatan Pertanian Sarawak. Berkat daripada pematuhan mengamalkan amalan pertanian baik (GAP) di ladang, beliau telah berjaya memperoleh Sijil GAP pada 30 Jun 2015. Di samping itu, En. Umin juga memastikan bahawa GAP yang diamalkan beliau menjadi contoh kepada pekebun kecil sekitarnya.

Pelaksanaan pensijilan GAP telah memberikan impak positif kepada beliau sekeluarga dan telah diiktiraf sebagai Ahli Kelab 30 Tan pada Ogos 2016. Penganugerahan tersebut telah membuatkan beliau lebih semangat untuk terus berjaya dalam bidang ini. Merujuk kepada buku rekod hasil ladang, beliau telah mencapai hasil BTS melebihi 30 tan/ha/tahun bagi tahun 2017, 2019 dan 2020 manakala hasil BTS tertinggi yang pernah beliau capai adalah sebanyak 33.63 tan/ha/tahun pada 2019.



En. Umin menunjukkan Sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) yang diterima.

En. Umin tidak hanya bergantung kepada hasil tanaman sawit sahaja sebagai sumber pendapatan. Beliau juga mendapat khidmat nasihat dari agensi lain seperti Jabatan Pertanian Sarawak bagi memulakan projek-projek pertanian yang lain. Beliau memanfaatkan ruang tanah kosong yang ada di sekitar kebun miliknya bagi tanaman limau kasturi dan pokok cekur manis. Beliau telah mengusahakan lebih 200 pokok limau kasturi dan lebih 2000 pokok cekur manis bagi tujuan pasaran tempatan. Menurut beliau, limau kasturi mendapat sambutan yang sangat baik di pasaran daerah Mukah memandangkan limau kasturi merupakan antara ramuan terpenting dalam pemprosesan umai. Seperti yang kita sedia maklum, daerah Mukah adalah syurga kepada makanan umai di Malaysia. Selain daripada tanaman limau kasturi, beliau juga menanam pokok cekur manis. Tanaman cekur manis merupakan jenis sayuran tumbuhan saka yang tahan lasak di kawasan pesisir pantai dan menjadi sayuran sinonim di kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Menurut beliau lagi, pokok

cekur manis yang diusahakan tidak dapat menampung permintaan yang tinggi terhadap sayuran ini di pasaran tempatan.

Bermodalkan wang hasil daripada sawit, En. Umin telah memulakan perusahaan rumah burung walit sebagai pendapatan tambahan. Menurut beliau, hasil sarang burung walit yang diperoleh dijual kepada pembeli di luar kawasan Mukah. Selain itu, beliau juga mengusahakan projek ternakan ikan tilapia di kawasan kebun miliknya. Projek ini diusahakan di tiga buah kolam ikan miliknya yang dikelilingi pokok sawit dan limau kasturi. Beliau juga mengusahakan pembenihan anak ikan tilapia berkualiti bagi memenuhi permintaan pengusaha ikan kolam di kawasan Mukah. Menurut beliau, ikan tilapia berkualiti datangnya daripada benih generasi pertama hasil daripada pembenihan ikan secara terpilih. Selain itu, pokok Moringa banyak ditanam sekitar kolam ikan bagi tujuan makanan tambahan kepada ternakan ikan tersebut selain daripada untuk kegunaan sendiri.

Sebagai menyahut seruan kerajaan, beliau merupakan pekebun kecil sawit pertama di daerah Mukah yang berdaftar untuk Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC Q18) di bawah seliaan Pejabat MPOB Cawangan Mukah walaupun pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) masih belum dimandatorikan ke atas pekebun kecil sawit pada masa tersebut. Hasilnya, beliau memperoleh pensijilan MSPO bersama-sama 49 pekebun sawit yang lain pada 21 Februari 2019.

Kecekalan dan kegigihan beliau dalam pengurusan sawit telah menjadi contoh terbaik dan rujukan kepada pekebun kecil sekitar, selain daripada khidmat nasihat dan tunjuk ajar Pegawai TUNAS MPOB. Beliau juga bersyukur kerana hasil daripada kebun sawit telah mengubah ekonomi keluarga beliau 360°.



Hasil tanaman sampingan En. Umin iaitu kebun limau kasturi.

Direktori M P O B

Pejabat	Alamat	No. Telefon dan Faks
Ibu Pejabat	Lembaga Minyak Sawit Malaysia Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir Ketua Pengarah 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.	Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9642
Pejabat Wisma Sawit	Pn. Iptisam Abdul Wahab Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor.	Tel: 03-7802 2800 Faks: 03-7803 3533
Pejabat MPOB Wilayah	Ketua Wilayah Tengah En. Zamri Mohd Salleh MPOB Wilayah Tengah Wisma Dura, Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Tel: 03-8911 0000 Faks: 03-8911 0006
	Ketua Wilayah Timur En. Khairil Husni Ahmad MPOB Wilayah Timur Lot PT 76928, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang.	Tel: 09-572 9696 Faks: 09-572 9876
	Ketua Wilayah Utara En. Mohd Noor Azam Ayob MPOB Wilayah Utara Suite 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg. Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.	Tel: 04-323 0490/0526 Faks: 04-323 0527
	Ketua Wilayah Selatan En. Mohd Fairuz Mohd Hanapiah MPOB Wilayah Selatan 02-11, Blok H, Komersial Southkey 1, Kota Southkey, 80150 Johor Bahru, Johor.	Tel: 07-3383 472/473/474 Faks: 07-338 3531
	Ketua Wilayah Sabah En. Yakup Ibrahim MPOB Wilayah Sabah Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC), Lot 1, Jalan A1, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: 088-493 700/702/703/705 Faks: 088-493 706/709
	Ketua Wilayah Sarawak En. Murphy Solomon MPOB Wilayah Sarawak Tingkat 4, Crown Towers, 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak.	Tel: 082-342 871/484 051 Faks: 082-342 876

	Alamat	No. Telefon dan Faks
Penyelaras TUNAS	Penyelaras TUNAS Zon Tengah Pn. Nur Hana Basaruddin 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.	Tel: 03-8911 4259 Faks: -
	Penyelaras TUNAS Zon Utara En. Muhammad Nizamuddin Mohamed Pejabat MPOB Cawangan Hilir Perak, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak.	Tel: 05-623 4104 Faks: 05-623 7562
	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Pn. Nazirah Che Jaafar Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, KM 11, Jalan Johor Tenggara, Beg Berkunci 532, 86009 Kluang, Johor.	Tel: 07-789 1133 Faks: 07-789 2282
	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Pn. Hasmiza Desa Pejabat MPOB Cawangan Parit Raja, No. 11A, 13A, 15A, Jalan Kelisa 1, Taman Kelisa Utama, 86400 Parit Raja, Johor.	Tel: 07-454 5128 Faks: 07-454 5110
	Penyelaras TUNAS Zon Timur 1 En. Mohd Khairul Anwar Isnin Pejabat MPOB Cawangan Temerloh, Lot 2123, Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji, 28000 Temerloh, Pahang.	Tel: 09-296 0580 Faks: 09-296 9470
	Penyelaras TUNAS Zon Timur 2 Pn. Zurilawati Zainal Stesen Penyelidikan Hulu Paka, Lot 2074, Bandar Ketengah Jaya, Beg Berkunci No. 4, 23300 Bandar Ketengah Jaya, Terengganu.	Tel: 09-5729177 Faks: 09-5729017
	Penyelaras TUNAS Sabah 1 En. Amran Arifin Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC), Lot 1, Jalan A1, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: 088-493 700/702/703/705 Faks: 088-493 706/709
	Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Pn. Siti Rashidah Michael Stesen Penyelidikan Lahad Datu, KM 10, Jalan Tengah Nipah, Beg Berkunci No. 4, 91109 Lahad Datu, Sabah.	Tel: 089-868 969/556/373/188 Faks: 089-863 083
	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Dr. Mohamad Arfan Johari Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Kompleks MPOB, Jalan Saratok/Roban Lama, Beg Berkunci No. 69, 95407 Saratok, Sarawak.	Tel: 083-436 252 Faks: 083-436 254
	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 En. Khairul Abidin Pejabat Cawangan Miri, Lot 1177 dan 1178, Tingkat 4, Miri Waterfront, Jalan Permaisuri, 98000 Miri, Sarawak.	Tel: 085-427 166 Faks: 085-427 437

TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

MPOB mempelawa syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan IKS tempatan yang menghasilkan apa-apa produk makanan/bukan makanan yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam dan berwarna) adalah RM2000, manakala saiz A4 (kulit belakang buku dan berwarna) adalah RM3000. Diskaun RM1000 diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Bayaran hanya perlu dibuat selepas invoice dikeluarkan oleh MPOB. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekretariat Warta Sawit
Tel: 03-8769 4258
wartasawit@mpob.gov.my

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Warta Sawit Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan penghantaran iklan dan cek
85 (3)/2023	September - Disember 2023	30 November 2023
86 (1)/2024	Januari - April 2024	30 Mac 2024
87 (2)/2024	Mei - Ogos 2024	30 Julai 2024

SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB
6 Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

U/P: Pn. Nurul Safinaz Nor Fauzi - Unit Khidmat Pengembangan
Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM2000	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM5000
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM3000	<input type="checkbox"/> RM8000


Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	Warta Sawit Bil:

Tandatangan


Tarikh

AA Hybrid IS

FFB yield profile of AA Hybrid IS in a favourable growing environment



Oil yield profile of AA Hybrid IS in a favourable growing environment



HIGH YIELD

STRONG R&D SUPPORT

SHORT COMPACT PALMS

STRICT QUALITY CONTROL

HIGHLY UNIFORM

MORE BUNCHES

REGULATED SEED PRODUCTION



Applied Agricultural Resources Sdn. Bhd. (Company No. : 90455-D)

(An associate company of Boustead Holdings Berhad and Kuala Lumpur Kepong Berhad)

No. 11, Jalan Teknologi 3/6, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, 47810, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tel : +603-6151 7924/25/26/27/28/29 Fax : +603-6151 7081 Email : sales@aarsb.com.my Website : www.aarsb.com.my

One scan
One Amazing Story



<http://bit.ly/11BSnNF>

PARIT TRAY


An advanced tray for drip irrigation with its integrated channels (*parit*) for water distribution

Specifications & Features

- 1) Each tray has 4 primary channels from which a secondary channel issues to each cell.
- 2) Water is supplied through drip tapes sitting in the primary channels and distributed to cells via secondary channels.
- 3) The system eliminates the need for small diameter tubing and tiny emitters that are prone to blockages.
- 4) Reflective tray surface reduces heat stress on plants.
- 5) Increased space between cells permits some delay in transplanting.
- 6) Stronger and more durable.

Advantages of Parit Tray System

- 1) Lower cost per tray cell
- 2) Reduced setup and maintenance costs
- 3) Precision placement resulting in reduction of
 - Water wastage
 - Weed problem
 - Fertilisers and pesticides wastage
- 4) Allows for watering using automated controlling device



SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (IPPKS)



INPUT PERTANIAN PEKEBUN KECIL SAWIT



Membeli input pertanian seperti anak benih, baja serta bahan kawalan perosak seperti racun rumpai dan racun serangga perosak.

**KADAR
PEMBIAYAAN**

RM2,500
PER HEKTAR

**PEMBIAYAAN
MAKSIMA**

RM16,250

**TEMPOH
PEMBIAYAAN**

24
BULAN

**KADAR
KEUNTUNGAN**

2%

KELEBIHAN PEMBIAYAAN

- Lulus Segera
- Tanpa Cagaran
- Ansuran Mudah
- Tanpa Penjamin

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun - 58 tahun.
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar.
- Memiliki sawit berusia kurang daripada 22 tahun.
- Memiliki lesen MPOB.

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan Geran Tanah
3. Salinan Lesen MPOB



Borang permohonan boleh diperoleh di semua
Pejabat MPOB & Agrobank

palmoilpedia